

19/03/1997

Kelulusan permohonan dipercepat

Noorwati Salleh

KERAJAAN Pahang memberi jaminan setiap pemprosesan permohonan daripada pelabur yang diuruskan agensi kerajaan akan dipercepatkan, dalam usaha menyegerakan pembinaan kilang di negeri ini.

Langkah itu berikutan kesedaran kerajaan negeri untuk meningkatkan kegiatan perindustrian di negeri ini, khususnya di kawasan perindustrian Gebeng, dekat Kuantan.

Contohnya, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) pernah meluluskan Sijil Layak Menduduki (CF) kepada sebuah kilang multinasional, Amoco Chemical (M) Sdn Bhd, di Gebeng, dalam tempoh sehari.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kelulusan yang singkat itu boleh dibuat jika segala dokumen yang diperlukan dapat dikemukakan serentak kepada pihak berkuasa tempatan dan mengikut syarat.

"Ini menunjukkan kerajaan negeri amat serius untuk memastikan konsep Persyarikatan Malaysia dapat dilaksanakan dengan jayanya di negeri ini," katanya.

Mohd Khalil berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian serentak kilang Grace Packaging (M) Sdn Bhd dan Grace Specialty Chemical (M) Sdn Bhd, milik kumpulan W R Grace & Co (W R Grace) dari Amerika Syarikat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Gebeng, kelmarin.

Menurut Mohd Khalil, kerajaan negeri sangat mengalu-alukan kemasukan pelabur asing bermodal besar untuk menjalankan kegiatan perindustrian berteknologi tinggi di Pahang.

"Kita juga memerlukan kerjasama syarikat terbabit untuk memindahkan kemahiran mengendalikan jentera atau peralatan canggih yang beroperasi di kilang masing-masing kepada pekerja tempatan.

"Kerjasama itu sudah dilakukan oleh W R Grace yang bukan saja memberi latihan sambil bekerja kepada pekerja tempatan di kilang itu, malah menghantar sebahagian daripada pekerja ke luar negara untuk menambah kemahiran dalam bidang tertentu," katanya.

Pada masa ini, seramai 14,800 pekerja tempatan bekerja dengan beberapa syarikat multinasional di Gebeng, dan 143 daripadanya bekerja di kilang W R Grace.

Beliau juga berharap pekerja tempatan yang berpeluang mempelajari teknologi dari luar membaiki kepakaran diri sendiri supaya dapat terus meningkat ke tahap yang lebih tinggi.

(END)